



**DOKUMEN TENDER MEMBEKALKAN PERKHIDMATAN
BAS BERHAWA DINGIN BAGI MUSIM HAJI 1442H/2021M**

- Rujukan Pelawaan Sebutharga/Tender : Tender THTS 01/2021 (**Senario 1**)
- Pelawaan Tawaran Dikeluarkan Oleh : TH Travel & Services Sdn. Bhd.
Aras 23, Menara TH Selborn,
153, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel. : 03-2688 0000 Faks : 03-2681 0814
- Tawaran Perkhidmatan : Membekalkan perkhidmatan bas berhawa dingin untuk membawa Jemaah Haji dari Movenpick Hotel & Convention Centre (MHCC), Sepang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bagi Musim Haji 1442H/2021M. Semua penerbangan adalah tertakluk kepada Jadual Penerbangan Haji 1442H/2021M yang akan dikeluarkan oleh Tabung Haji (**TH**).
- Jangka Tempoh Penerbangan : Fasa 1 : 11 Jun 2021 hingga 13 Julai 2021
Fasa 2 : 28 Julai 2021 hingga 24 Ogos 2021
- Jumlah Penerbangan : Dijangka sebanyak **82 'Transfer'** dari MHCC ke KLIA (1 hingga 4 penerbangan sehari bergantung kepada Jadual Penerbangan Haji 1442H/2021M).
- Pengangkutan Bas Yang Diperlukan Semasa Fasa 1 : (a) **Catar Haji Penerbangan FLYNAS atau SAUDIA**
Lapan (8) unit bas dan satu (1) unit bas bersiap sedia ikut rombongan Jemaah.
Jangkaan 'transfer' = 51 'transfer'
- (b) **Catar Haji Penerbangan MAS**
Kategori 1 : Lapan (8) unit bas dan satu (1) unit bas bersiap sedia ikut rombongan Jemaah.
Kategori 2 : Empat (4) unit bas dan satu (1) unit bas bersiap sedia ikut rombongan Jemaah.

Kategori 3 : Enam (6) unit bas dan satu (1) unit bas bersiap sedia ikut rombongan Jemaah.

Kategori 4 : Dua (2) unit bas dan satu (1) unit bas bersiap sedia ikut rombongan Jemaah.

Jangkaan 'transfer' = 31 'transfer'

- ✓ Jumlah sebenar penggunaan bas untuk membawa Jemaah dari MHCC ke KLIA adalah mengikut jumlah Jemaah dalam satu penerbangan.
- ✓ Jumlah 'transfer' tertakluk kepada Jadual Penerbangan Haji 1442H/2021M yang terkini.
- ✓ **Semua bas mesti berada 3 jam sebelum urusan daftar masuk (*check in*) di MHCC, dan pergerakan bas adalah mengikut konvoi yang akan ditetapkan oleh pihak keselamatan.**
- ✓ Pihak pembekal dikehendaki menyediakan 2 set bas di dalam sesuatu masa (sekiranya berlaku jarak penerbangan yang rapat).
- ✓ Sebarang perubahan Jadual Penerbangan Haji semasa Operasi Haji Tanah Air (OHTA) akan dimaklumkan kepada pembekal dari masa ke semasa oleh pihak **TH** dan TH Travel & Services Sdn Bhd (THTS).

(c) Tambahan Bas VIP Coach Dari MHCC Ke KLIA

Bas tambahan akan ditentukan dan dimaklumkan dari masa ke semasa mengikut keperluan.

(d) Bas Pengantara Urusan Penerbangan Dalam Negeri

- ✓ Menyediakan satu (1) unit bas pengantara bersiap sedia di KLIA (Menunggu di KLIA dari jam 6.00 pagi hingga 1.00 pagi pada keesokan harinya) untuk membawa Jemaah yang menggunakan perkhidmatan penerbangan dalam negeri dari KLIA dan KLIA 2 ke MHCC.
- ✓ Menyediakan bas pengantara tambahan (mengikut keperluan) dari Lapangan Terbang Subang ke MHCC.

(Bas pengantara tambahan akan ditentukan dari masa ke semasa mengikut keperluan – *on call basis*)

Pengangkutan Bas Yang Diperlukan Semasa Fasa 2

: Bas Pengantara Yang Diperlukan Semasa Fasa 2

Menyediakan satu (1) unit bas pengantara bersiap sedia 24 jam di KLIA.

- (1) Membawa Jemaah dari KLIA ke KLIA 2 dan Lapangan Terbang Subang serta lokasi penginapan di MHCC, TH Hotel Kelana Jaya atau hotel sekitarnya dan hotel sekitar Nilai, Negeri Sembilan.
- (2) Membawa Jemaah dari lokasi penginapan di perenggan (1) ke KLIA, KLIA 2 dan Lapangan Terbang Subang.

(Bas pengantara tambahan akan ditentukan dari masa ke semasa mengikut keperluan – *on call basis*)

Syarat-syarat Am Dan Spesifikasi Bas

- (1) Setiap bas hendaklah mempunyai tempat duduk minima 40 penumpang. Penggunaan bas dua tingkat tidak dibenarkan.
- (2) Setiap bas hendaklah mempunyai permit dan insurans yang sah dalam tempoh perkhidmatan.
- (3) Setiap bas hendaklah mempunyai permit kenderaan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

- (4) Setiap bas hendaklah lulus pemeriksaan APAD ICOP Keselamatan.
- (5) Pembekal hendaklah mempunyai lesen Akta Industri Pelancongan 1992.
- (6) Setiap bas diwajibkan untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.
- (7) Setiap bas mestilah lengkap berhawa dingin serta berfungsi dengan baik dan memuaskan untuk keselesaan Jemaah.
- (8) Penggunaan bas kilang dan bas sekolah tidak dibenarkan.
- (9) Usia bas tidak melebihi 5 tahun.
- (10) Setiap bas mestilah berada dalam keadaan bersih luar dan dalam, keselesaan tempat duduk penumpang dan lengkap dengan alat pemadam api dan peti kecemasan
- (11) Pemandu beragama Islam.
- (12) Setiap bas tidak mempunyai pelekat, gambar dan perkara-perkara sensitif kepada Jemaah dan agama Islam khususnya.
- (13) Setiap bas tidak mempunyai risalah yang berunsur politik.
- (14) Pembekal merupakan syarikat pemilik bas dan mempunyai bas sendiri.
- (15) Mempunyai sekurang-kurangnya lapan tahun pengalaman dalam bidang perkhidmatan pengangkutan.
- (16) Setiap pemandu perlu memakai pelitup muka sepanjang masa bertugas.

- (17) Mempunyai bengkel bas.
- (18) Modal Berbayar syarikat minima RM500,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu).
- (19) Setiap pemandu perlu menjalani saringan gejala sebelum memulakan tugas.
- (20) Setiap bas hendaklah mempunyai *hand sanitizer*.
- (21) Boleh dipanggil pada bila-bila masa untuk perbincangan lanjut.
- (22) Pernah membekalkan perkhidmatan bas dalam operasi haji adalah satu kelebihan.
- (23) Boleh membekalkan sebuah bas kategori *low deck* untuk setiap ' *transfer* ' adalah satu kelebihan.

Jadual Penerbangan Haji : Jadual Penerbangan Haji dan butir-butir mengenai operasi pengangkutan bas Musim Haji 1442H/2021M akan dimaklumkan kepada pembekal yang berjaya.

Tempoh Kontrak : 4 hingga 8 minggu bagi Fasa 1 dan Fasa 2 tertakluk kepada pindaan Jadual Penerbangan Haji 1442H/2021M.

Waktu Jemaah Melapor Diri : Waktu Jemaah Haji melapor diri bergantung kepada Jadual Penerbangan Haji 1442H/2021M yang terkini dan tempoh waktu melapor diri adalah seperti berikut :

Antara 12 tengah malam hingga 12 tengahari

Antara 12 tengahari hingga 12 tengah malam

Pembekal hendaklah mengambilkira waktu Jemaah Haji melapor diri dan hanya mengemukakan satu sebutharga sahaja.

- Sebutharga Tawaran : Sebutharga hendaklah dikemukakan dalam borang tawaran **Lampiran 'Q', Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama dokumen tawaran ini dan maklumat syarikat hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas.
- Setiap pindaan atau pembetulan hendaklah ditandatangani. Penggunaan pemadam cecair (*liquid paper*), *correction tape* dan seumpamanya tidak dibenarkan dan boleh menyebabkan penyertaan syarikat pembekal **DITOLAK** secara automatik.
- Tarikh Tawaran : 24 Mac 2021 (Rabu)
- Tarikh Tutup : 07 April 2021 (Rabu) sebelum pukul 12.00 Tengahari
- Borang Tawaran : Borang tawaran **Lampiran 'Q', Lampiran 1 dan 2** hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri (*sealed*) dan bertulis "**RUJUKAN SEBUTHARGA – Tender THTS 01/2021 DAN NAMA TAWARAN**" – Membekalkan Perkhidmatan Bas Berhawa Dingin Musim Haji **1442H/2021M (Senario 1)** di penjuru kanan sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti tawaran sebutharga **No. (1)**.
- Tawaran yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan diterima dan tidak akan dilayan.
- Tempoh Sah Laku Sebutharga : 90 hari dari tarikh tutup sebutharga.
- Retention Sum* : Pihak THTS akan menahan 10% daripada keseluruhan nilai kontrak pembekalan sebagai *retention sum* dan akan dikembalikan kepada pembekal yang berjaya setelah pihak THTS berpuas hati dengan kualiti, spesifikasi dan pembekalan tersebut selepas selesai Musim Haji 1442H/2021M.

- Dokumen Pembekal : (1) Profail Syarikat terkini (termasuk Carta Organisasi dan maklumat anggota Pengurusan).
- (2) Cetakan dokumen terkini daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang mengandungi maklumat berikut :-
- 2.1 Corporate Information
 - 2.2 Summary Of Share Capital
 - 2.3 Directors/Officers
 - 2.4 Shareholders/Members
 - 2.5 Company Charges
 - 2.6 Summary Of Financial Information
- (3) Penyata Bank 3 bulan yang terkini.
- (4) Penyata Akaun Beraudit 3 tahun yang terkini.
- (5) Cetakan borang terkini seperti berikut :-
- 5.1 Borang 9/Seksyen 14 yang terkini.
 - 5.2 Borang 24/Seksyen 78 yang terkini.
 - 5.3 Borang 49/Seksyen 58 yang terkini.
- (6) Pengalaman kerja (sertakan dokumen berkaitan).
- (7) Menyediakan ringkasan senarai bas yang mengandungi perkara-perkara berikut :-
- 7.1 No pendaftaran bas milik pembekal
 - 7.2 Salinan kad pendaftaran bas milik pembekal
 - 7.3 Jenis bas milik pembekal
 - 7.4 Semua permit bas milik pembekal
 - 7.5 Kategori bas milik pembekal
- Surat Setuju Terima Dan Syarat-syarat Am : Surat Setuju Terima dan Syarat-syarat Am Pembekalan akan dinyatakan di dalam tawaran tersebut kepada pembekal yang berjaya sahaja.


Surat Perjanjian Perkhidmatan : Pembekal yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Perjanjian Perkhidmatan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Surat Setuju Terima Tawaran dikeluarkan. Bayaran setem perjanjian adalah ditanggung oleh pihak pembekal mengikut pada kadar yang ditetapkan oleh pejabat duti setem.

Harga yang ditawarkan adalah harga bersih. Ianya termasuk tetapi tidak terhad kepada kos perkhidmatan ke tempat yang telah dinyatakan, dan lain-lain cukai atau fi yang dikenakan oleh pihak berkuasa.

Syarat-syarat Am : (i) THTS adalah tidak terikat untuk menerima mana-mana harga yang paling rendah.

(ii) Walau dalam apa jua keadaan, tawaran tender adalah tertakluk kepada peraturan semasa yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia dan/atau negara luar yang terbabit dan faktor-faktor *Force Majeure*.

TABUNG HAJI TRAVEL. *Inspirasi Anda, Sedunia...*



NASRUDDIN BIN KAMARUDIN
Ketua Bahagian Pentadbiran & Perolehan

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif
TH Travel & Services Sdn. Bhd.

Rujukan : THTS/PTB/1/553 Jilid 6 (31)
Tarikh : 23 Mac 2021